


SIAPA PEMEGANG TERAJU PAS LEPAS ASRI?



● DATUK ASRI HAJI MUDA



● USTAZ FADZIL NOR



● USTAZ NIK ABDUL AZIZ



● HAJI ABD. HADI AWANG

PERLETAKAN jawatan Datuk Asri Haji Muda sebagai yang Dipertua Agung PAS setelah memimpin parti itu selama 18 tahun serta pengunduran tiga orang lagi tokoh penting PAS baru-baru ini dengan sendirinya menimbulkan beberapa tandanya yang cuma masa sahaja yang akan menentukan jawapannya.

Sapa yang akan memegang teraju utama PAS selepas ini? Apakah falsafah politik yang akan diperjuangkan? Apakah parti itu akan menjadi lemah atau lebih kuat dari masa-masa lalu? Ke mana arah akan ditujunya dan hingga sekat mana?

Soalan-soalan di atas harus dirong bersa-

ma bukan sahaja oleh golongan-golongan muda dalam PAS malah anggota veterannya hatta oleh orang-orang. Melayu keseluruhannya.

Sebagai parti politik yang pernah disifatkan sebagai alternatif utama bagi UMNO, perkembangan dalam PAS di tahun-tahun akan datang mempunyai kaitan rapat dengan masalah kekusuman politik orang-orang Melayu di negara ini.

Meskipun tokoh-tokoh PAS beria-ia menyatakan bahawa perletakan jawatan Datuk Asri, Setiausaha Agung Datuk Abu Bakar Umar, Bendahari Agung Haji Hassan Haji Mohamad dan Ketua Dewan Muslimat Datin Sakinah Haji Joned itu merupakan perkembangan biasa dalam sesuatu parti politik dan tidak akan

Oleh SYED IMRAN ALSAGOFF

meretakkan perjuangan parti. Tada siapa yang dapat mengaduga kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku di masa hadapan.

Matlamat

Datuk Asri sendiri dalam kenyataan perletakan jawatannya hanya sanggup menyebutkan tentang trend dan cara berpolitik PAS sekarang yang sudah menyimpang daripada matlamat asal parti itu.

Bellau juga menyebutkan tentang fitnah-fitnah yang dilemparkan kepadanya oleh golongan parti yang bertopengkan kepimpinan ulama.

Bertolak dari kenyataan ini ditambah

dengan penerimaan usul yang memberikan kuasa muktamad kepada golongan ulama dalam menentukan dasar di akhir Muktamar Ke-28 PAS baru lalu, mahu tidak mahu beberapa soalan sampingan lain terpaksa ditimbulkan pula.

Apakah matlamat asal PAS dan sikapnya yang dikatakan golongan ulama itu? Kalau perjuangan asal PAS ialah untuk memgakan sebuah pemerintahan Islam yang ideal di negara ini, apakah pula perjuangan golongan yang tidak mahukan Datuk Asri itu, sebaliknya?

Kalau golongan yang tidak mahukan Datuk Asri itu terdiri dari golongan muda sebagaimana yang diketahui

selama ini, apakah rata-rata dari mereka sudah mencapai taraf ulum dan Datuk Asri bukan merupakan ulama kerana bellau tidak melalui proses pendidikan agama yang mereka lalui?

Berdasarkan andalan ini, apakah pula benar — sekurang-kurangnya secara analogi — bahawa PAS setelah ketidadaan Datuk Asri dan golongannya akan dikuasai oleh golongan muda yang fasih selok-belok bukun-bukun Islam tetapi tidak akan memperjuangkan pembentukan sebuah negara Islam di Malaysia seperti yang dihaeratkan oleh para pengasas parti itu dulu.

Kalaupun itu yang akan wujud sebagai satu hakikat, nyatalah beban yang perlu dipikul oleh anggota-anggota PAS sekarang

adalah lebih dari hanya sekadar berfikir. Mulai sekarang hingga muktamar tahun depan, mereka harus mencari sapa yang mereka mahu untuk menggantikan Datuk Asri.

Peluang

Seorang tokoh veteran PAS dan bekas anggota Parlimen, Haji Wahab Yunus mengemukakan beberapa teka-teki dalam PAS sudah pasti akan membuka jalan kepada satu corak kepimpinan yang selama ini belum pernah diaksikan dalam parti itu.

Haji Wahab yang pernah disifatkan sebagai orang Datuk Asri di kalangan pemimpin-pemimpin PAS Terengganu mengaduga bahawa Timbalan Yang

Dipertua Agung Haji Yusof Rawa yang digugurkan memangku jawatan Yang Dipertua sekarang akan buaya menyangand jawatan itu sehingga muktamar tahun depan.

Bellau dijangka tidak akan bertanding untuk memberi peluang kepada golongan muda memimpin parti itu.

Haji Wahab memberi nama tiga tokoh yang mempunyai potensi menjadi Yang Dipertua Agung PAS akan datang.

Dua daripada mereka terdiri golongan muda dan masing-masing Naib Presiden yang dipilih, iaitu Haji Abdul Hadi Awang dari Terengganu dan Ustaz Fadzil Nor dari Kedah.

Tokoh ketiga yang disebut ialah Ustaz Nik Abdul Aziz, Naib Presiden yang dilantik dan Ketua Dewan Ulama.

Dari ketiga-tiga tokoh tersebut, Haji Hadi mungkin merupakan tokoh yang lebih berpeluang. Walaupun bellau masih muda, ketokohnya sekurang-kurangnya di Terengganu sering ditunjukkan.

PAS Terengganu yang memang dikenali sebagai anti-Asri memang diketahui berusaha sejak sekian lama untuk menjadikan Haji Hadi yang juga Pengerusi PAS negeri sebagai seorang cult-figure.

Bellau sering diundang memberikan ceramah-ceramah di masjid-masjid yang dikunjungi oleh PAS dan setiap kali bellau berucap, ia dirakam dan diterbitkan dalam bentuk kaset untuk didistribusikan kepada umum.

Meskipun begitu, ketokohan Ustaz Fadzil dan pengaruh Ustaz Nik Aziz yang dikatakan disegani oleh kawan dan lawan itu tidak harus dilabakan.

Ustaz Fadzil sendiri, misalnya, merupakan Naib Presiden yang terkemuka dan kalau itu yang akan dijadikan ukuran, bellau mempunyai peluang baik untuk terus maju.

Walau siapa pun yang akan memegang pucek pimpinan PAS nanti, satu hakikat yang jelas ialah PAS lampa Asri akan menjadi lebih radikal.

Ini, seperti yang dibayangkan oleh beberapa tokoh muda dalam parti itu, penting untuk melindungi keradikalan yang wujud dalam barisan kepimpinan UMNO sekarang.

Ketua Dewan Pemuda PAS, Enck Mustafah sendiri mengukuti itu di masa hadapan akan berubah meskipun dasar perjuangannya akan tetap kekal.

Perubahan

Kalau keghalrahan untuk membuat perubahan ini hanya didorong oleh peradikalan yang dibuat dalam UMNO, maka segi logikanya, maka segelintir tokoh-tokoh seperti Enck Mustafah, Ustaz Fadzil Nor, Haji Abdul Hadi dan lain-lainnya perlu membuat sesuatu yang lebih dari apa yang dibunt oleh UMNO.

Dengan lain-lain perkataan, kalau ciri-ciri radikalisme perjuangan itu yang dipertingkatkan, PAS harus lebih radikal dari UMNO untuk memberikan makna terhadap kewujudannya.

Yang mungkin menjadi masalah nanti ialah sejauh mana PAS sanggup untuk mencaip matlamat itu.

Juga apakah radikalisme dalam PAS yang lebih tinggi darjannya daripada radikalisme UMNO itu nanti tidak akan membahayakan orang-orang Melayu-kalupun tidak anggota-anggota PAS sendiri.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia